

STPM Kertas 1 Set KVK 1:

Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dua persamaan dan perbezaan antara buku tunai dengan jurnal:

Dua persamaan:

1. Kedua-duanya digunakan sebagai buku catatan pertama.
2. Kedua-duanya digunakan untuk merekod urus-urus niaga perniagaan dalam urutan kronologi.

Dua perbezaan:

1. Jurnal hanya digunakan sebagai buku catatan pertama, tetapi buku tunai juga digunakan sebagai lejar am untuk akaun bank dan akaun tunai.
2. Buku tunai digunakan untuk merekod urus niaga tunai sahaja, manakala jurnal digunakan untuk merekod urus niaga kredit dan peristiwa (seperti pelarasan hari imbangan) yang dibuat dalam perniagaan.

- (b) Catatan kontra di buku tunai merujuk kepada pindahan wang tunai dari akaun bank ke akaun tunai dan sebaliknya. Manakala, catatan kontra (pindahan kontra) antara akaun kawalan hanya boleh berlaku apabila wujudnya seorang pelanggan (lejar jualan / belum terima) yang juga merupakan pembekal (lejar belian / belum bayar) kepada perniagaan. Pada akhir setiap bulan, baki akaun (belum terima atau belum bayar) yang terendah akan dipindahkan ke akaun (belum terima / belum bayar) yang bakinya lebih tinggi. Tujuan pindahan kontra ini adalah untuk menunjukkan jumlah bersih pelanggan itu berhutang kepada perniagaan atau jumlah bersih perniagaan berhutang kepada pembekal. Pindahan ini akan ditunjukkan dalam akaun kawalan belum terima dan akaun kawalan belum bayar sebagai pindahan kontra.

- (c) Tiga kepentingan menyediakan penyata penyesuaian bank:

1. Membantu mengesan kesilapan yang mungkin wujud dalam rekod perakaunan berkaitan dengan akaun bank.
2. Merupakan satu mekanisme kawalan dalaman bagi memastikan bahawa tiada penyelewengan berlaku dalam proses pengurusan wang tunai.
3. Memastikan bahawa baki akaun bank adalah betul dan ini akan membantu pihak pengurusan untuk merancang aliran tunai perniagaan dengan baik.

- (d) (i) Penyediaan Jurnal penerimaan tunai dan jurnal pembayaran tunai:

Jurnal Penerimaan Tunai

Tarikh	Butir	Ruj	Diskaun Dt.	Tunai Dt.	Bank Dt.	Jualan Kt.	Akaun belum terima Kt.	Pelbagai Kt.
2020			RM	RM	RM	RM	RM	RM
Feb 5	SMK Sg Bakap	RR140	120		2,830		2,950	
8	Jualan	BL115		270		270		
19	Jualan	BL116		380		380		
29	Jualan	SDT		140		140		
			120	790	2,830	790	2,950	-

KVK Tutorial Centre (PG0509652-H)

No. 30, Lorong Aman Jaya, Taman Aman Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Tel: 012-2105199

Jurnal Pembayaran Tunai

Tarikh	No Cek	Butir	Ruj	Diskaun Kt.	Tunai Kt.	Bank Kt.	Belian Dt.	Akaun belum bayar Dt.	Pelbagai Dt.
2020				RM	RM	RM	RM	RM	RM
Feb 4		Belian	BT642		275		275		
10	763215	Pemborong Sunil	SR1420			760		760	
15	763216	Perabot	DR3255			1,500			1,500
21		Ambilan	Memo		150				150
25		Kadar bayaran	BP3548		258				258
				-	683	2,260	275	760	1,908

(ii) Pengeposan ke lejar am:

Akaun Bank

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Feb 1	Baki b/b	5,705	Feb 29	Jumlah pembayaran	2,260
29	Jumlah penerimaan	2,830		Baki h/b	6,275
		8,535			8,535
Mac 1	Baki b/b	6,275			

Akaun Tunai

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Feb 1	Baki b/b	830	Feb 29	Jumlah pembayaran	683
29	Jumlah penerimaan	790		Baki h/b	937
		1,620			1,620
Mac 1	Baki b/b	937			

Akaun Diskaun diberi

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Feb 1	Baki b/b	86	Feb 29	Baki h/b	206
29	Akaun belum terima	120			
		206			206
Mac 1	Baki b/b	206			

Akaun Diskaun diterima

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2020			2020		
Feb 29	Baki h/b	122	Feb 1	Baki b/b	122
Mac 1	Baki b/b	122			